

# BAB TUJUH

## PENTADBIRAN KEWANGAN

### PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

### DI NEGERI JOHOR

### 1946-1957

#### 7.0 Pendahuluan

Selepas Jepun menyerah kalah pada bulan Ogos 1945, British kembali semula mentadbir Tanah Melayu termasuk negeri Johor di bawah Sistem *British Military Administration*. Pada tahun 1946 pentadbiran British telah mengumumkan *Malayan Union Order in Council* yang selanjutnya telah menukuhkan *Malayan Union* mengikut garis perlembagaan yang termaktub dalam *White Paper 1946*. Skim Perlembagaan yang baru ini di tentang oleh UMNO (United Malay National Organisation) yang diketuai oleh Dato' Onn Jaafar. Sesudah beberapa rundingan yang memakan masa agak panjang, akhirnya *Malayan Union Order in Council* telah dibatalkan dan seterusnya Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan.<sup>1</sup> Dalam kerangka yang baru ini setiap negeri-negeri Melayu, akan digabungkan di bawah Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimana pun setiap negeri masih mengekalkan kepribadian dan kedaulatan negeri masing-masing. Dari

aspek kewangan, Johor telah hilang kuasa autonomi kewangannya sekali gus autonomi politiknya.<sup>2</sup> Kaedah menengdalikan kewangan Persekutuan adalah ditentukan oleh Perlembagaan, di mana Pentadbiran Kolonial Persekutuan boleh memunggut dari enam kelas dan 15 ketegeri yang telah ditetapkan.<sup>3</sup> Bagaimana pun yang lebih penting, Pentadbiran Kolonial Persekutuan boleh meminjam dari Kelas 6 iaitu *Colonial Development and Welfare Fund*. Di bawah kaedah baru ini Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah mengambil alih sumber pendapatan negeri yang utama sebelum ini, iaitu kastam, pos dan telekom. Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah terlibat dalam pengutipan lesen dan eksais dan di negeri-negeri tertentu dalam tempoh masa 1948-1950, Pentadbiran Kolonial Persekutuan juga terlibat dalam pengutipan hasil hutan. Selain dari hasil hutan, pada tempoh masa tersebut Pentadbiran Kolonial Persekutuan juga terlibat dalam pengutipan hasil bekalan telegraf, telefon dan elektrik. Sumber pendapatan baru yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan ialah cukai pendapatan pada tahun 1948. Di bawah kaedah baru ini Pentadbiran Kolonial Persekutuan mempunyai kuasa untuk mengamalkan belanjawan defisit dan di akhir tahun berhak menyimpan dan melaborkan segala

lebihan yang didapati. Perkara yang menyentuh mengenai kaedah pendapatan negeri dirumuskan dalam perlambagaan seperti berikut:

- (i) The Federal Government raises loans and borrows monies.
- (ii) The revenues of the Malay States are derived from thirteen sources, which are included in the third Schedule, and from sources provided by Legislative Council (Clause 112). Religious dues are treated as separate State revenue [Clause 112 (3)].
- (iii) All other revenues derived from sources within or without the Federation are Federal Revenue<sup>4</sup>

Dari segi perbelanjaan, juga memperlihatkan perubahan yang besar di mana Pentadbiran Kolonial Persekutuan mempunyai sebanyak 115 item yang tersendiri yang dapat diketogerikan kepada Ekonomi, Sosial, Keselamatan, Gaji Kakitangan dan Kos Pentadbiran, Peruntukan Negeri dan Lain-lain. Dari segi pendapatan dan perbelanjaan yang baru ini, perlambagaan merumuskan:

"The expenditure to be met from revenues of the Federation are set out in part I of the Fourth Schedule, and those to be met from the revenues of the States are in Part II of the fourth Schedule. An examination of Part II of the Fourth Schedule seems to indicate that States are expected to meet expenditure of a kind which might be termed "local" in the sense that it concerns those fields of Government activities which are closely linked to State Governments."<sup>5</sup>

Di negeri belanjawan negeri, semuanya termaktub di dalam

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Mengikut Perlembagaan tersebut setiap negeri diwajibkan membentangkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan untuk dibincang dan kemudianya diluluskan oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Ini bermakna Pentadbiran Kolonial Negeri tidak lagi bebas melaksana atau mengamalkan kaedah pengutipan pendapatan dan perbelanjaan yang dilakukan selama ini.

Kerangka pengawalan daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan begitu jelas dapat dilihat dalam keaedah baru pengutipan hasil negeri, di mana setiap Pentadbiran Kolonial Negeri hanya dibenarkan mendapat sumber pendapatan negeri daripada 13 punca yang telah dikenalpasti dan ditetapkan mengikut *Federal Agreement*. 13 punca pendapatan negeri ini akhirnya telah bertambah kepada 14 di akhir tahun 1955. Salah satu daripada 13 punca yang dinyatakan di atas, ialah Peruntukan daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan (*Federal Allotment*).<sup>6</sup>

Dari segi perbelanjaan negeri, kaedah perbelanjaan bagi setiap negeri juga terkawal dalam Perlembagaan Persekutuan 1948. Pentadbiran Kolonial Negeri hanya boleh berbelanja mengikut 32 item yang telah ditetapkan, yang dapat digolongkan kepada ekonomi, sosial dan lain-lain. Kesemua 32 item yang terdapat di peringkat negeri adalah

menggambarkan corak perbelanjaan yang sama di peringkat Persekutuan. Bagaimana pun sebilangan daripada kaedah perbelanjaan penting yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan tidak dilaksanakan di peringkat negeri. Umpamanya, perbelanjaan untuk perumahan dan kebajikan sosial dilaksanakan di peringkat Persekutuan sahaja. Di bawah katogeri ekonomi, pos dan telekomunikasi dan bekalan elektrik yang dahulunya merupakan perbelanjaan dan sumber pendapatan negeri sekarang ini hanya diurus kendalikan di peringkat Persekutuan sahaja. Satu perkara yang amat jelas dan penting pada masa ini adalah soal keselamatan. Dalam hal keselamatan ini, polis dan tentera diletakkan di bawah pengurusan perbelanjaan Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Ketogeri Keselamatan tidak dikendalikan oleh perbelanjaan Pentadbiran Kolonial Negeri.

Sehingga tahun 1955, semua lebihan yang berjaya dihasilkan oleh setiap Pentadbiran Kolonial Negeri bukan lagi milik negeri tetapi merupakan milik Pentadbiran Kolonial Persekutuan.<sup>7</sup> Di sini adalah jelas akan kehadiran Pentadbiran Kolonial Persekutuan di semua peringkat belanjawan negeri, pendapatan, perbelanjaan dan lebihan.

Selain daripada kehadiran dalam belanjawan negeri, Pentadbiran Kolonial Persekutuan juga melaksanakan beberapa projek di negeri yang tidak melibatkan langsung perbelanjaan negeri. Data yang

diperolehi hanya memperlihatkan jumlah wang yang terlibat dalam pembinaan bangunan di bawah ketegori ekonomi, sosial, keselamatan dan lain-lain. Data Persekutuan tidak memperlihatkan perangkaan yang melibatkan gaji kakitangan dan kos pentadbiran, kos operasi dan baik pulih. Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah mengamalkan projek pembinaan sistem pengairan dan bekalan air dan pembinaan bangunan Pentadbiran Kolonial Persekutuan dalam bentuk *Loan* daripada institusi-institusi lain. Semua maklumat ini tidak dimasukkan ke dalam laporan-laporan kewangan negeri tetapi disimpan secara berasingan.

Kaedah belanjawan baru yang dijelaskan di atas dianggap ketat oleh Pentadbiran Kolonial Negeri dan tidak dapat berjalan dengan lancar yang akhirnya demi untuk memberi kelonggaran, perubahan besar telah dilakukan pada tahun 1955. Perubahan besar yang dimakudkan di sini ialah Pentadbiran Kolonial Negeri boleh mengubah corak belanjawan daripada “*balanced budget*” kepada “*budget for expanding economy*”.<sup>8</sup> Dengan terlaksananya kelonggaran tersebut, sumber pendapatan negeri telah bertambah dari 13 kepada 14. Bagaimana pun yang lebih penting ialah berlakunya perubahan dalam *Federal Allotment* kepada pendapatan negeri.

*Federal Allotment* kepada negeri, sebelum ini adalah berdasarkan kepada perbezaan perbelanjaan negeri dengan pendapatan negeri pada satu tahun. Pada kali ini kaedah yang digunakan ialah memberi geran sebanyak \$12 per kapita dan memperuntukan sebanyak 30% daripada hasil cukai petrol yang dikutip di Johor kepada negeri Johor.<sup>9</sup> *Federal Allotment* yang diperuntukkan ini hanya dibenarkan untuk dibelanjakan bagi ketogeri-katogeri tertentu sahaja. Di bawah ketogeri Ekonomi perbelanjaan hanya dibenarkan untuk pembinaan infrastruktur Jabatan Parit dan Talair. Begitu juga dibawah ketogeri Sosial, Pentadbiran Kolonial Persekutuan hanya membiayai perbelanjaan fizikal untuk pendidikan, perubatan dan kesihatan. Sementara di bawah ketogeri Lain-lain perbelanjaan juga melibatkan pembinaan infrastruktur tertentu.

Di bawah perubahan baru ini, Pentadbiran Kolonial Negeri dibenarkan megumpul, menyimpan dan melabur segala lebihan yang diperolehi oleh Pentadbiran Kolonial Negeri. Dengan termaktubnya perubahan baru ini, membenarkan Pentadbiran Kolonial Negeri mengamalkan semula amalan-amalan simpan kira yang dilakukan sebelum Perang Dunia Kedua, iaitu simpanan wang tunai, deposit tetap dan pelaburan portfolio kewangan. Dengan berlakunya perubahan besar di atas, baharulah Pentadbiran Kolonial Negeri boleh melaksanakan *budget*

*for expanding economy.*

## 7.1 Pasaran

Oleh kerana berlakunya perubahan dalam corak pentadbiran, dengan penubuhan *Custom Union* pada tahun 1948 saiz perdagangan tidak lagi dipaparkan mengikut negeri secara berasaingan tetapi telah dikumpulkan secara keseluruhan di bawah Persekutuan Tanah Melayu. Dalam tempoh ini jumlah nilai eksport telah meningkat daripada \$1,116,668,653 pada 1948 kepada \$2,182,200,000 pada 1957. Sementara itu, jumlah nilai import juga turut menunjukkan peningkatan daripada \$862,095,415 pada 1948 kepada \$1,806,800,000 pada 1957. (Sila lihat Jadual 7.1)

### 7.1.1 Eksport

Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 7.2. di bawah, dalam tempoh masa 1948-1957, sebanyak 82.39% daripada jumlah nilai eksport diperolehi daripada dua komoditi utama iaitu getah dan bijih timah. Dari segi komposisi, getah (termasuk *latex*) merupakan bahan eksport yang terpenting dalam sektor eksport. Jumlah nilai eksport getah telah meningkat sebanyak 1.92 kaliganda daripada \$680,036,690 pada 1948 kepada \$1,304,200,000 pada 1957. Dalam jangka masa 1948-1957, secara

**Jadual 7.1. Jumlah Nilai Eksport dan Import, 1948-1957,  
(Straits Dollar)**

Tahun	Eksport		Import	
	Nilai	(+/-)	Nilai	(+/-)
1948	1,116,668,653	-	862,095,415	-
1949	1,176,523,475	59,854,822	936,567,036	74,471,621
1950	2,552,200,000	1,375,676,525	1,324,100,000	387,532,964
1951	3,380,700,000	828,500,000	1,864,700,000	540,600,000
1952	2,136,200,000	-1,244,500,000	1,657,900,000	-206,800,000
1953	1,600,400,000	-535,800,000	1,451,300,000	-206,600,000
1954	1,626,900,000	26,500,000	1,319,100,000	-132,200,000
1955	2,360,000,000	733,100,000	1,543,000,000	223,900,000
1956	2,264,000,000	-96,000,000	1,751,000,000	208,000,000
1957	2,182,200,000	-81,800,000	1,806,800,000	55,800,000

Sumber: Disusun daripada ARFM 1948-1957.

**Jadual 7.2. Nilai dan Perata Eksport Negeri-negeri Tanah Melayu Mengikut Komoditi, 1948-1957,  
(Straits Dollar)**

Tahun	Makanan dan Minuman		Kelapa		Kelapa Sawit		Getah (Termasuk latex)		Timah	
	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%
1948	54,641,772	4.89%	36,028,783	3.23%	32,736,634	2.93%	680,036,690	60.90%	220,682,160	19.76%
1949	71,751,384	6.10%	50,724,714	4.31%	39,514,766	3.36%	589,634,169	50.12%	291,449,194	24.77%
1950	69,300,000	2.72%	76,000,000	2.98%	37,000,000	1.45%	1,810,700,000	70.95%	441,900,000	17.31%
1951	77,400,000	2.29%	95,200,000	2.82%	46,200,000	1.37%	2,444,600,000	72.31%	563,800,000	16.68%
1952	86,000,000	4.03%	51,500,000	2.41%	49,300,000	2.31%	1,287,100,000	60.25%	510,800,000	23.91%
1953	83,400,000	5.21%	63,700,000	3.98%	36,900,000	2.31%	895,900,000	55.98%	382,700,000	23.91%
1954	91,600,000	5.63%	63,500,000	3.90%	36,800,000	2.26%	902,600,000	55.48%	403,800,000	24.82%
1955	93,900,000	3.98%	52,300,000	2.22%	40,800,000	1.73%	1,584,300,000	67.13%	422,800,000	17.92%
1956	99,500,000	4.39%	59,400,000	2.62%	48,500,000	2.14%	1,378,100,000	60.87%	471,700,000	20.83%
1957	96,600,000	4.43%	57,100,000	2.62%	51,300,000	2.35%	1,304,200,000	59.77%	439,500,000	20.14%
1948-1957		4.37%		3.11%		2.22%		61.38%		21.01%

Tahun	Sawn timber		Lain-Lain Bahan Mentah		Bahan Perkilangan		Parcal Post Bullion		Jumlah	
	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	
1948	4,555,296	0.41%	2,215,623	0.20%	83,973,684	7.52%	1,798,031	0.16%	1,116,668,653	
1949	6,630,810	0.56%	5,567,963	0.47%	118,232,368	10.05%	3,018,107	0.26%	1,176,523,475	
1950	21,800,000	0.85%	13,900,000	0.54%	76,800,000	3.01%	4,800,000	0.19%	2,552,200,000	
1951	25,900,000	0.77%	27,300,000	0.81%	93,900,000	2.78%	6,400,000	0.19%	3,380,700,000	
1952	23,600,000	1.10%	39,400,000	1.84%	81,600,000	3.82%	6,900,000	0.32%	2,136,200,000	
1953	22,700,000	1.42%	41,000,000	2.56%	67,100,000	4.19%	7,000,000	0.44%	1,600,400,000	
1954	20,700,000	1.27%					107,900,000	6.63%	1,626,900,000	
1955	28,600,000	1.21%					137,300,000	5.82%	2,360,000,000	
1956	32,100,000	1.42%					174,700,000	7.72%	2,264,000,000	
1957	32,200,000	1.48%					201,300,000	9.22%	2,182,200,000	
1948-1957		1.05%						6.87%		

Sumber: Disusun daripada ARFM 1948 -1957


keseluruhannya getah telah menyumbangkan pendapatan eksport sebanyak 61.38%. Dari segi nilai, seperti yang berlaku sebelum ini, didapati getah amat dipengaruhi oleh keadaan pasaran dunia. Umpamanya, semasa Perang Korea, jumlah nilai eksport getah telah meningkat begitu mendadak sekali dari \$589,634,169 pada tahun 1949, kepada \$1,810,700,000 pada tahun 1950 dan seterusnya meningkat lagi kepada \$2,444,600,000 pada tahun 1951. Selepas perang tersebut tamat, jumlah nilai eksport getah telah jatuh kepada \$1,287,100,000 pada tahun 1952 dan seterusnya kepada \$895,900,000 pada tahun 1953.

Komoditi eksport yang kedua penting adalah bijih timah. Secara keseluruhannya dalam tempoh masa 1948-1957 bijih timah telah menyumbangkan sebanyak 21.01% daripada jumlah nilai eksport. Komoditi-komoditi lain yang terkandung dalam komposisi eksport Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah terdiri daripada makanan dan minuman 4.37%, kelapa 3.11%, kelapa sawit 2.22%, *sawn timber* 1.05% dan Lain-lain bahan mentah, bahan perkilangan, *Parcal Post Bullion* 6.87% seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 7.1 dan Jadual 7.2.

### 7.1.2 Import


Seperti yang dapat dilihat dalam Gambarajah 7.2 dan Jadual 7.3., didapati komposisi import mengikut kategori adalah terdiri daripada

**Gambarajah 7.1.Nilai dan Perata Eksport Negeri-negeri Tanah Melayu Mengikut Komoditi, 1948-1957, .  
(Straits Dollar)**



**Sumber: Disusun daripada ARFM 1948-1957**

**Gambarajah 7.2. Perata Import di Negeri-Negeri Tanah Melayu Mengikut Kategori, 1948 - 1957, (Straits Dollar)**



Sumber: Disusun daripada ARFM 1948-1957

**Jadual 7.3. Nilai dan Perata Import Mengikut Kategori, 1948-1957, (Straits Dollar)**

Tahun	Makanan dan Minuman		Bahan Mentah		Bahan Perkilangan		Parcel Post Bullion		Jumlah
	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	
1948	420,062,456	48.73%	68,219,276	7.91%	366,224,893	42.48%	7,588,790	0.88%	862,095,415
1949	421,000,799	44.95%	76,046,519	8.12%	434,500,392	46.39%	5,019,326	0.54%	936,567,036
1950	497,000,000	37.53%	226,800,000	17.13%	538,300,000	40.65%	11,800,000	0.89%	1,324,100,000
1951	662,700,000	35.54%	334,100,000	17.92%	849,400,000	45.55%	18,500,000	0.99%	1,864,700,000
1952	682,900,000	41.19%	137,500,000	8.29%	816,800,000	49.27%	20,700,000	1.25%	1,657,900,000
1953	636,200,000	43.84%	320,600,000	22.09%	494,500,000	34.07%	-	0.00%	1,451,300,000
1954	482,000,000	36.54%	341,300,000	25.87%	495,800,000	37.59%	-	0.00%	1,319,100,000
1955	557,400,000	38.12%	411,600,000	28.68%	574,000,000	37.20%	-	0.00%	1,543,000,000
1956	608,000,000	34.72%	475,700,000	27.17%	667,300,000	38.11%	-	0.00%	1,751,000,000
1957	617,100,000	34.15%	493,400,000	27.31%	696,300,000	38.54%	-	0.00%	1,806,800,000
1948-1957		39.33%		18.85%		40.99%		0.45%	

Sumber: Disusun daripada ARFM 1948-1957

makanan dan minuman 39.33%, bahan mentah 18.85%, bahan perkilangan 40.99% dan *Parcel Post Bullion* 0.45%. Seperti yang berlaku dalam nilai eksport, pada masa ini nilai import juga telah meningkat terutamanya import bahan-bahan perkilangan.

## 7.2 Pemodal

Selepas penubuhan Pentadbiran Kolonial Persekutuan, rekod-rekod yang berkaitan dengan aktiviti tanaman komoditi di peringkat negeri telah diubahsuai persebahannya mengikut keperluan kerajaan pusat. Ini menyulitkan pengkaji untuk mendapatkan data-data di peringkat negeri secara berasaingan.

### 7.2.1 Getah

Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 7.4. dan Gambarajah 7.3, Johor merupakan pengeluar getah yang paling besar di Negeri-Negeri Tanah Melayu. Dari segi keluasan didapati, jumlah keluasan estet getah di negeri Johor telah meningkat daripada 335,000 ekar pada 1947 kepada 418,000 ekar pada tahun 1957. Sementara itu dari segi pengeluaran, didapati pengeluaran negeri itu telah meningkat sedikit daripada 84,000 *ton* pada tahun 1947 kepada 86,000 *ton* pada tahun 1957. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, Johor merupakan negeri yang


**Jadual 7.4. Jumlah Keluasan Estet dan Pengeluaran Getah di Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1947-1957, (Ekar, Ton)**

Tahun	Trengganu		Selangor		Perak		Penang		Pahang	
	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton
1947	9,000	2,000	272,000	64,000	277,000	59,000	24,000	5,000	72,000	21,000
1948	1,000	2,000	301,000	72,000	248,000	62,000	25,000	5,000	83,000	25,000
1949	11,000	2,000	298,000	70,000	254,000	60,000	25,000	5,000	90,000	26,000
1950	12,000	2,000	292,000	64,000	254,000	60,000	26,000	5,000	89,000	23,000
1951	13,000	2,000	275,000	58,000	248,000	52,000	26,000	5,000	83,000	18,000
1952	12,000	2,000	271,000	61,000	242,000	51,000	25,000	5,000	84,000	20,000
1953	13,000	2,000	271,000	59,000	242,000	50,000	26,000	5,000	89,000	23,000
1954	13,000	2,000	266,000	61,000	242,000	51,000	24,000	5,000	92,000	22,000
1955	14,000	2,000	263,000	64,000	242,000	52,000	25,000	5,000	96,000	23,000
1956	14,000	2,000	258,000	62,000	268,000	53,000	26,000	5,000	99,000	23,000
1957	14,000	2,000	257,000	69,900	229,000	54,000	26,000	5,000	92,000	23,000

Tahun	Negeri Sembilan		Melaka		Kelantan		Kedah & Perlis		Johor	
	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton
1947	190,000	54,000	101,000	20,000	20,000	5,000	157,000	47,000	335,000	84,000
1948	222,000	64,000	104,000	21,000	24,000	7,000	184,000	51,000	399,000	94,000
1949	225,000	61,000	104,000	21,000	28,000	7,000	188,000	48,000	417,000	100,000
1950	227,000	57,000	104,000	19,000	28,000	6,000	189,000	47,000	426,000	93,000
1951	223,000	50,000	97,000	16,000	28,000	6,000	189,000	44,000	415,000	77,000
1952	216,000	53,000	95,000	18,000	28,000	7,000	188,000	42,000	415,000	82,000
1953	221,000	53,000	98,000	17,000	30,000	7,000	192,000	41,000	433,000	84,000
1954	218,000	54,000	94,000	17,000	30,000	7,000	190,000	43,000	437,000	84,000
1955	217,000	54,000	90,000	17,000	31,000	7,000	184,000	43,000	441,000	83,000
1956	214,000	54,000	89,000	18,000	31,000	7,000	186,000	43,000	426,000	83,000
1957	209,000	57,000	84,000	19,000	30,000	7,000	180,000	45,000	418,000	86,000

Sumber: Disusun daripada Pee Teck Yew, **A Statistical Source Book on Malayan Agriculture**, Kuala Lumpur, Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1967, Table 11.1 (a).

**Gambarajah 7.3. Jumlah Keluasan Tanaman Getah di Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1947-1957, (Ekar)**



Sumber: Disusun daripada Pee Teck Yew, **A Statistical Source Book on Malayan Agriculture**, Kuala Lumpur, Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1967, Table 11.1(a).

utama dalam pengeluaran getah di Negeri-negeri Tanah Melayu. Oleh yang demikian dapatlah diandaikan bahawa negeri Johor merupakan negeri yang terpenting dalam menyumbangkan pembangunan ekonomi Negeri-Negeri Tanah Melayu, kerana pada masa itu ekonomi Negeri-Negeri Tanah Melayu amat bergantung kepada pengeksportan hasil getah.

### **7.2.2 Kelapa Sawit dan Nenas**

Seperti getah, jumlah keluasan tanah bagi tanaman kelapa sawit dan nenas memperlihatkan bahawa negeri Johor merupakan yang terluas di Negeri-Negeri Tanah Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.5 dan Gambarajah 7.4. Bagi tanaman kelapa sawit, jumlah keluasan tanah telah meningkat daripada 39,160 ekar pada 1946 kepada 46,651 ekar pada 1954. (Data bagi tahun 1955-1957 tidak diperolehi)

Bagi tanaman nenas, jumlah keluasan tanah juga memperlihatkan pertambahan keluasan yang pesat daripada 3,705 ekar pada tahun 1947 kepada 28,822 ekar pada tahun 1957 seperti yang diperlihatkan dalam Jadual 7.6. dan Gambarajah 7.5. Kepesatan pembukaan tanah untuk tanaman nenas ini telah mendorong Pentadbiran Kolonial Persekutuan mendirikan *Center for Pinneapple Station* di Pontian. Hampir keseluruhan kawasan tanaman nenas dimiliki oleh pemodal-pemodal Cina, yang kebanyakannya mereka tertumpu di Daerah Pontian.


**Jadual 7.5. Keluasan Tanaman Kelapa Sawit di Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1947 - 1957, (Ekar)**

Tahun	Selangor	Perak	N. Sembilan	Pahang	Johor	Kelantan
1947	15,796	20,037	2,688	1,596	39,160	550
1948	16,963	20,798	2,746	3,103	41,078	550
1949	17,585	22,120	2,841	5,830	41,078	550
1950	19,270	22,120	3,061	5,830	41,218	550
1951	20,922	23,204	3,058	5,989	42,990	485
1952	21,341	23,966	3,346	6,092	44,226	482
1953	24,710	25,499	3,425	6,850	46,555	482
1954	24,860	26,631	3,425	6,850	46,651	482
1955	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1956	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1957	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada Pee Teck Yew, A Statistical Source Book on Malayan Agriculture, Kuala Lumpur, Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1967, Table 11.4.

**Gambarajah 7.4. Keluasan Tanaman Kelapa Sawit di Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1947-1957, (Ekar)**




**Jadual 7.6. Keluasan Tanaman Nenas di Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1947-1957,(Ekar)**

Tahun	Perak	Selangor	Negert Sembilan	Pahang	Penang	Melaka	Johore	Kedah	Kelantan	Trengganu	Perlis	Jumlah
1947	1,741	2,060	177	341	280	462	3,705	934	1,585	585	50	11,920
1948	1,693	3,333	170	211	257	160	7,308	825	1,559	530	36	16,082
1949	1,630	4,133	140	210	270	289	7,924	808	1,333	462	40	17,239
1950	1,370	3,896	120	217	315	262	20,034	714	799	334	41	28,102
1951	1,512	3,876	74	94	289	291	16,640	694	820	128	50	24,468
1952	1,836	3,829	65	125	388	299	16,335	717	912	282	55	24,843
1953	1,926	3,754	110	162	398	252	17,689	666	1,180	659	50	26,846
1954	2,749	4,124	140	217	435	273	16,985	641	1,427	908	50	27,949
1955	2,687	5,908	173	187	481	317	21,745	645	1,532	1,123	50	34,848
1956	3,009	7,004	240	241	830	344	29,602	760	1,419	1,278	50	44,777
1957	3,363	8,256	270	255	763	382	28,822	639	1,360	1,385	55	45,550

Sumber: Disusun daripada Pee Teck Yew, *A Statistical Source Book on Malayan Agriculture*, Kuala Lumpur, Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1967, Table 11.5.

**Gambarajah 7.5. Keluasan Tanaman Nenas di Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1947-1957, (Ekar)**



### **7.2.3            Kelapa**

Selain daripada getah, kelapa sawit dan nenas, negeri Johor juga merupakan negeri yang terluas di Negeri-negeri Tanah Melayu dari segi penanaman kelapa. Jumlah kluasan tanaman kelapa di negeri Johor pada tahun 1947 adalah berjumlah 113,898 ekar, dan kluasan tanaman tersebut terus meningkat hingga kepada 140,050 ekar pada 1957, seperti yang diperlihatkan dalam Jadual 7.7 dan Gambarajah 7.6. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 7.8, sebahagian besar daripada jumlah tanah bagi tanaman kelapa dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil.

### **7.2.4            Logam**

Selepas Perang Dunia Kedua, kedua-dua pemodal Jepun iaitu Ishihara dan Izuka yang melibatkan diri dalam usaha perlombongan bijih besi tidak lagi meneruskan aktiviti mereka. Ini disebabkan deposit bijih besi yang ada di negeri Johor tidak lagi ekonomik untuk diusahakan. Dalam tempoh masa ini 1948-1957, pemodal-pemodal British telah memberikan tumpuan kepada perlombongan *Bauxite*.

### **7.2.5            Padi**

Seperti yang berlaku sebelum Perang Dunia Kedua, usaha untuk menjayakan tanaman makanan tidak mendapat perhatian golongan pemodal. Golongan pemodal memberikan tumpuan sepenuhnya kepada


**Jadual 7.7. Keluasan Tanaman Kelapa dan Jumlah Pengeluaran di Negeri-negeri Tanah Melayu, 1947-1957, (Ekar dan Ton)**

	Perak	Selangor	Perlis	N.Sembilan	Pahang	Melaka	Pinang	Johor	Kedah	Kelantan	Trengganu
1947	100,721	119,703	3,218	6,067	15,976	13,500	47,528	113,898	31,232	40,186	19,997
1948	100,782	119,707	3,218	5,368	15,984	11,100	47,319	116,037	31,183	40,126	19,990
1949	112,304	101,104	3,218	4,768	13,513	11,165	42,397	117,965	31,538	41,152	20,486
1950	97,853	101,285	3,219	4,775	13,586	11,177	42,324	118,041	30,264	41,166	20,510
1951	93,255	100,882	3,222	5,071	15,957	11,177	46,816	117,714	30,301	40,107	19,907
1952	94,572	100,394	3,222	5,104	15,938	11,165	47,534	118,046	30,209	39,895	19,922
1953	94,743	99,926	3,222	4,832	15,906	11,167	47,012	117,752	30,215	39,871	19,950
1954	95,134	113,893	3,223	4,852	15,953	11,148	47,473	118,305	30,239	39,874	17,872
1955	105,625	110,875	3,223	5,196	15,393	11,372	47,634	141,463	31,109	39,877	18,870
1956	105,706	112,839	3,230	5,177	15,456	11,395	47,580	141,781	31,329	39,900	18,983
1957	t.d.	t.d.	3,229	5,012	13,710	11,387	32,939	140,050	30,042	40,238	16,231

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada Pee Teck Yew, *A Statistical Source Book on Malayan Agriculture*, Kuala Lumpur, Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1967, Table 11.3.

**Gambarajah 7.6. Keluasan Tanaman Kelapa di Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1948-1957, (Ekar)**



Sumber: Disusun daripada Pee Teck Yew, *A Statistical Source Book on Malayan Agriculture*, Kuala Lumpur, Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1967, Table 11.3.

**Jadual 7.8. Keluasan Tanaman dan Jumlah Pengeluaran Kelapa di Negeri Johor, 1948-1957, (Ekar)**

Tahun	Ekar (Estet)	Kebun Kecil	Jumlah	Ton
1947	1,540	112,358	113,898	
1948	1,828	114,209	116,037	33
1949	2,334	115,631	117,965	85
1950	2,334	115,707	118,041	108
1951	2,339	115,375	117,714	119
1952	2,662	115,384	118,046	111
1953	1,796	115,956	117,752	108
1954	1,796	116,509	118,305	164
1955	2,181	139,282	141,463	231
1956	2,181	139,600	141,781	t.d.
1957	t.d.	140,050	140,050	t.d.

Sumber: Disusun daripada Pee Teck Yew, **A Statistical Source Book on Malayan Agriculture**, Kuala Lumpur, Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1967, Table 11.3.

tanaman-tanaman komoditi eksport seperti getah, kelapa sawit, nenas dan kelapa. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 7.9, didapati jumlah keluasan tanaman padi telah menurun daripada 12,142 ekar pada tahun 1946 kepada 8,510 pada tahun 1957. Berbeza dengan tanaman-tanaman lain sebelum ini, dari segi jumlah keluasan tanaman padi didapati negeri Johor merupakan yang terkecil dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu.

### **7.3 Demografi**

Dalam tempoh masa ini, Banci Penduduk telah diadakan sebanyak dua kali ia itu pada tahun 1947 hingga 1957. Daripada kedua banci tersebut didapati secara keseluruhan penduduk Persekutuan Tanah Melayu telah bertambah dengan pesatnya dari 5,846,823 pada tahun 1947 kepada 7,371,258 tahun 1957. Negeri Johor pada masa yang sama juga memperlihatkan pertambahan daripada 738,251 pada tahun 1947 kepada 926,850 pada tahun 1957. Dengan jumlah penduduk tersebut, Johor menduduki tempat keempat selepas Perak (1,221,446), Singapura (1,092,500) dan Selangor (1,012,929) dari segi bilangan ramai penduduk pada tahun 1957.

Ditinjau dari segi kadar pertumbuhan penduduk, secara bandingan dengan tempoh-tempoh masa yang lalu Johor didapati kali ini

**Jadual 7.9. Keluasan dan Pengeluaran Tanaman Padi di Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1946-1957 (Ekar, Ton)**

Tahun	Johor		Melaka		Negeri Sembilan		Pahang		Selangor		Perak	
	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton
1946	12,142	1,450	30,611	8,540	29,612	8,720	39,787	10,850	34,520	13,040	106,140	26,660
1947	15,058	3,150	32,357	7,920	33,283	14,850	44,266	10,540	38,453	12,120	119,664	45,110
1948	20,710	5,660	31,810	10,820	34,290	16,300	46,740	11,650	40,850	19,390	119,370	50,630
1949	21,730	5,460	32,320	11,910	34,050	17,320	44,090	12,550	48,190	18,220	122,810	42,980
1950	9,290	1,770	31,980	12,590	31,600	14,680	40,740	15,910	50,060	24,570	102,710	45,510
1951	1,140	190	29,550	6,330	27,760	8,660	25,360	8,260	48,290	25,890	96,550	29,810
1952	1,290	440	26,650	12,390	28,560	14,100	27,780	9,730	45,690	25,310	99,730	43,130
1953	4,970	1,800	29,460	13,320	30,490	18,290	35,060	11,970	47,160	27,820	103,910	45,740
1954	9,250	2,670	30,910	16,720	30,900	17,260	38,970	9,680	48,270	27,540	110,440	41,360
1955	9,190	3,480	31,090	17,080	31,710	15,210	39,710	13,290	48,120	32,310	107,940	50,340
1956	8,350	2,940	30,300	16,730	31,260	15,340	39,490	14,060	43,410	32,390	111,090	53,000
1957	8,510	4,270	30,340	19,610	31,000	15,330	38,770	11,930	48,510	32,870	113,280	56,870

Tahun	Pinang		Trengganu		Kelantan		Kedah		Perlis	
	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton	Ekar	Ton
1946	37,736	13,270	34,876	8,480	133,730	35,000	236,820	92,820	36,640	15,500
1947	39,584	20,395	38,480	10,200	138,106	54,950	257,890	127,390	42,010	20,140
1948	39,400	10,250	44,110	18,060	141,550	58,830	273,200	80,050	43,340	11,460
1949	39,700	16,670	47,830	20,500	141,800	57,560	282,470	180,680	47,320	33,590
1950	39,520	16,710	47,980	19,510	136,960	60,600	281,640	185,950	48,010	29,810
1951	38,870	14,720	46,700	14,840	140,970	47,980	280,480	152,970	48,200	19,260
1952	38,510	16,620	46,280	18,780	145,100	64,830	277,330	189,620	48,690	34,040
1953	38,920	19,200	41,610	8,420	137,900	38,300	282,940	179,930	48,790	31,740
1954	39,210	14,140	46,550	13,410	146,260	62,100	282,930	164,150	48,890	24,540
1955	38,780	21,020	43,170	11,090	143,440	60,590	281,240	163,060	46,460	15,990
1956	38,970	21,660	42,600	14,532	147,220	69,400	281,500	178,870	58,190	44,140
1957	39,040	25,440	44,620	17,780	156,100	81,100	281,810	176,040	58,190	34,270

Sumber: Disusun daripada Pee Teck Yew, **A Statistical Source Book on Malayan Agriculture**, Kuala Lumpur, Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, 1967, Table 11.2 (a).

mengalami pertambahan penduduk yang agak rendah. Dalam tempoh masa 1947-1957, Johor telah merekodkan kadar pertumbuhan hanya sebanyak 24% sahaja. Kadar pertumbuhan ini merupakan yang paling rendah pernah di rekodkan oleh Johor semenjak Banci Penduduk 1911. (Sila lihat Jadual 7. 10)

Ditinjau dari segi komposisi penduduk pada tahun 1957, didapati Johor terdiri daripada 444,618 orang Melayu (47.97%), 392,568 orang Cina (42.36%), 70,948 orang India (7.65%) dan 18,716 orang lain-lain kaum (2.02%). Dari segi kadar pertambahan penduduk mengikut kaum didapati dalam tempoh 1947-1957, orang Melayu telah bertambah sebanyak 37.36 %, Cina 10.65%, India 41.77% dan Lain-lain 293.44%. (Sila lihat Lampiran Jadual 3.1.)

Dari segi taburan penduduk mengikut daerah pada tahun 1957, didapati seramai 346,230 orang tinggal di Daerah Batu Pahat dan Pontian, 259,351 orang di Daerah Muar, 236,068 di Daerah Segamat dan Keluang, 185,204 di Daerah Johor Bahru dan bakinya seramai 74,531 tinggal di Daerah Kota Tinggi dan Endau. (Sila lihat Lampiran Jadual 3.2.)

**Jadual 7.10. Jumlah Penduduk Negeri Johor dan Negeri-Negeri Tanah Melayu, 1911, 1921, 1931, 1947 dan 1957**

Negeri	1911	%	1921	%	1931	%	1947	%	1957	1911	%
										1957	
<b>Johor</b>	<b>180,412</b>	<b>56.4</b>	<b>282,234</b>	<b>79.0</b>	<b>505,311</b>	<b>46.1</b>	<b>738,251</b>	<b>25.5</b>	<b>926,850</b>	<b>746,438</b>	<b>413.74%</b>
<b>Kedah</b>	<b>245,986</b>	<b>37.7</b>	<b>338,558</b>	<b>26.9</b>	<b>429,691</b>	<b>29.0</b>	<b>554,441</b>	<b>26.6</b>	<b>701,964</b>	<b>455,978</b>	<b>185.37%</b>
<b>Kelantan</b>	<b>286,731</b>	<b>7.8</b>	<b>309,300</b>	<b>17.2</b>	<b>362,517</b>	<b>13.7</b>	<b>448,572</b>	<b>12.7</b>	<b>505,522</b>	<b>218,771</b>	<b>76.29%</b>
<b>Melaka</b>	<b>124,081</b>	<b>23.7</b>	<b>153,522</b>	<b>21.5</b>	<b>186,711</b>	<b>28.2</b>	<b>239,356</b>	<b>21.7</b>	<b>291,211</b>	<b>167,130</b>	<b>134.69%</b>
<b>N. Sembila</b>	<b>130,199</b>	<b>37.2</b>	<b>178,762</b>	<b>30.8</b>	<b>233,799</b>	<b>14.5</b>	<b>267,668</b>	<b>36.2</b>	<b>364,524</b>	<b>234,325</b>	<b>179.97%</b>
<b>Pahang</b>	<b>118,708</b>	<b>23.0</b>	<b>146,064</b>	<b>23.3</b>	<b>180,111</b>	<b>23.3</b>	<b>250,178</b>	<b>25.1</b>	<b>313,058</b>	<b>194,350</b>	<b>163.72%</b>
<b>Penang</b>	<b>270,537</b>	<b>8.1</b>	<b>292,485</b>	<b>16.3</b>	<b>340,259</b>	<b>31.2</b>	<b>446,321</b>	<b>28.2</b>	<b>572,100</b>	<b>301,563</b>	<b>111.47%</b>
<b>Perak</b>	<b>501,523</b>	<b>21.8</b>	<b>610,905</b>	<b>28.6</b>	<b>785,581</b>	<b>21.4</b>	<b>933,938</b>	<b>28.0</b>	<b>1,221,446</b>	<b>719,923</b>	<b>143.55%</b>
<b>Perlis</b>	<b>32,746</b>	<b>22.6</b>	<b>40,087</b>	<b>23.0</b>	<b>49,296</b>	<b>23.0</b>	<b>70,490</b>	<b>28.9</b>	<b>90,885</b>	<b>58,139</b>	<b>177.55%</b>
<b>Selangor</b>	<b>294,035</b>	<b>36.3</b>	<b>401,009</b>	<b>32.9</b>	<b>533,197</b>	<b>33.3</b>	<b>710,788</b>	<b>42.5</b>	<b>1,012,929</b>	<b>718,894</b>	<b>244.49%</b>
<b>Trengganu</b>	<b>154,073</b>	<b>-0.2</b>	<b>153,765</b>	<b>16.9</b>	<b>179,789</b>	<b>25.7</b>	<b>225,996</b>	<b>23.1</b>	<b>278,269</b>	<b>124,196</b>	<b>80.61%</b>
<b>Singapura</b>	<b>305,439</b>	<b>37.5</b>	<b>420,004</b>	<b>33.3</b>	<b>559,946</b>	<b>68.0</b>	<b>940,824</b>	<b>16.1</b>	<b>1,092,500</b>	<b>787,061</b>	<b>257.68%</b>
<b>Jumlah</b>	<b>2,475,948</b>	<b>34.0</b>	<b>3,326,695</b>	<b>29.2</b>	<b>4,346,208</b>	<b>22.2</b>	<b>5,846,823</b>	<b>26.2</b>	<b>7,371,258</b>	<b>4,726,768</b>	<b>186.40%</b>

Sumber: Disusun daripada **A Report on The 1947 Census of Population, Malaya Comprising The Federation of Malaya and The Colony of Singapore, Kuala Lumpur,, M.V. Del Tufo, The Government Printer, Federation of Malaya, 1949. hal:39 dan Population Census of The Federation of Malaya, 1957, Report No.14 (Final Report- Summary Tables for the Federation with General Comments on The Census), Department of Statistics,Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 1960, hal:51-52.**

## 7.4 Pentadbiran Kolonial Persekutuan

Pembahagian kuasa di antara Pentadbiran Kolonial Persekutuan dengan Pentadbiran Kolonial Negeri di bawah *Federation of Malaya Agreement, 1948* telah memansuhkan struktur kewangan yang telah diperkenalkan semasa *Malayan Union Agreement* pada tahun 1946. Penghapusan struktur kewangan ini bertujuan untuk membentuk satu kerajaan pusat yang kukuh. Perkara-perkara yang berada di bawah pengawasan dan tanggungjawab Pentadbiran Kolonial Persekutuan, termasuklah kesemua bidang-bidang kegiatan utama kerajaan. Pentadbiran Kolonial Negeri hanya diberi kuasa-kuasa tertentu dan terhad sahaja. Bagaimana pun kuasa eksekutif lebih dikuasai oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan yang menentukan kaedah pendapatan, perbelanjaan dan juga pengurusan lebihan kewangan.

Dari segi pendapatan, Pentadbiran Kolonial Negeri diberi hak untuk mengumpulkan hasil dan pendapatan negeri daripada sumber (1) Eksais, (2) Hutan, (3) Tanah dan Perlombongan, (4) Lesen, Perniagaan dan Cukai hiburan, (5) Hakim, (6) Pendapatan daripada perkhidmatan Pentadbiran Kolonial Negeri, (7) Bekalan air, (8) Pendapatan daripada pinjaman kemudahan Pentadbiran Kolonial Negeri, (9) Faedah (10)

Pelbagai, (11) Pendapatan daripada penjualan tanah, (12) Penjualan kemudahan Pentadbiran Kolonial Negeri dan (13) Peruntukan kewangan daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Pada tahun 1955, negeri Johor telah memperolehi satu lagi sumber cukai baru iaitu royalti dari perlombongan bijih besi.<sup>10</sup> Semua sumber yang tidak termasuk dalam senarai di atas merupakan pendapatan kepada Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Sumber pendapatan yang terpenting bagi Pentadbiran Kolonial Negeri iaitu cukai kastam, pada masa ini merupakan hak mutlak Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Selain daripada itu cukai baru yang diperkenalkan iaitu cukai pendapatan, juga merupakan hak mutlak bagi Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Perjanjian *Federal Financial Agreement*, yang termaktub dalam *Federation of Malaya Agreement 1948* telah menyadari dan menjangka akan berlakunya keadaan di mana Pentadbiran Kolonial Negeri membuat perbelanjaan melebihi pendapatan negeri. Untuk mengawasi perkara ini, di peringkat awal lagi Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah menyusun satu cara di mana peruntukan bagi setiap negeri dalam Persekutuan dibuat secara *blok grant*.<sup>11</sup> Ini dibuat bertujuan supaya setiap negeri mendapat peruntukan yang sewajarnya.

Dalam tempoh masa ini, Pentadbiran Kolonial Negeri tidak memperlihatkan potensi yang besar dalam pengumpulan pendapatan

kerana sumber utama pendapatan negeri seperti cukai kastam telah diambilalih oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Selain daripada itu cukai pendapatan yang baru tidak pula dikendalikan oleh Pentadbiran Kolonial Negeri. Pada masa yang sama Pentadbiran Kolonial Negeri terus memperlihatkan belanjawan yang semakin besar. Ini disebabkan Pentadbiran Kolonial Negeri di atas nama pembangunan terpaksa megadakan, menambah, membaik pulih dan meningkatkan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh rakyat seperti infrastruktur, perkhidmatan sosial, utiliti dan sebagainya. Dengan yang demikian kira-kira belanjawan Pentadbiran Kolonial Negeri semakin hari semakin jelas jurang perbezaan di antara pendapatan dan belanjaan negeri.<sup>12</sup>

Bagi mendapatkan belanjawan tahunan, setiap Pentadbiran Kolonial Negeri mesti menyediakan program-program pembangunan masing-masing yang dilengkapi dengan anggaran peruntukan kewangan yang diperlukan. Permohonan ini diajukan kepada Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Pentadbiran Kolonial Persekutuan berkuasa sepenuhnya untuk menyemak, menimbang dan meluluskan permohonan belanjawan tersebut. Dalam hal ini Pentadbiran Kolonial Negeri tidak ada kuasa untuk membantah atau rayuan. Semua keputusan Pentadbiran Kolonial Persekutuan adalah muktamat.<sup>13</sup>

Bagi program-program yang tidak dapat dijayakan dengan peruntukan pada satu-satu tahun, program tersebut terpaksa dihentikan dan disambung semula selepas mendapat kelulusan belanjawan daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan pada tahun yang berikutnya. Bagaimanapun sekiranya peruntukan yang diberikan tidak dapat digunakan atau berlakunya lebihan, Pentadbiran Kolonial Negeri dimestikan untuk memulangkannya semula kepada Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Dalam hal kecemasan, seperti bencana alam khususnya banjir, Pentadbiran Kolonial Negeri mendapatkan bantuan kewangan segera daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Jumlah bantuan bergantung kepada budibicara Pentadbiran Kolonial Persekutuan sepenuhnya.

Pada tahun 1956 sekali lagi perubahan struktur kewangan telah dilakukan oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Perubahan ini terpaksa dilakukan kerana Pentadbiran Kolonial Negeri menghadapi beberapa masalah besar khususnya dalam urusan *Federal Allotment*, dalam melaksanakan struktur kewangan yang ada. Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial Negeri tidak berpuas hati dengan struktur kewangan yang ada, kerana struktur tersebut tidak memberangkan Pentadbiran Kolonial Negeri mengamalkan penyimpanan lebihan kewangan dalam bentuk wang tunai, deposit tetap dan portfolio pelaburan kewangan.<sup>14</sup>

## **7.5 Pendapatan Persekutuan dan Negeri**

### **7.5.1 Pendapatan Persekutuan**

Pada tahun 1948 jumlah nilai pendapatan Pentadbiran Kolonial Persekutuan berjumlah \$235,372,365.92 dan pada tahun 1957 jumlah ini telah meningkat sebanyak 3.4 kali ganda kepada \$800,926,288.17. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, pendapatan Persekutuan adalah terdiri daripada enam kelas, yang merangkumi: (I) *Duties, Taxes and Licences,*(II) *Receipts and in Aid of Specific Government Services,*(III) *Receipts on account of undertakings of a commercial character,*(IV) *Revenue from Government property,* (V) *Miscellaneous receipts and sundry sales* dan (VI) *Colonial Development and Welfare Fund.* Komposisi ringkas pendapatan persekutuan mengikut kelas terdiri daripada Kelas I (83.90%), Kelas II (2.56%), Kelas III(5.13%), Kelas IV (1.82%), Kelas V (6.06%), Kelas VI (0.53%) (Sila rujukan Lampiran Jadual 5.3 dan 5.4)

Daripada komposisi tersebut didapati sebahagian besar daripada pendapatan persekutuan adalah daripada Kelas I. Item yang termasuk dalam Kelas I adalah terdiri daripada cukai pendapatan, kastam, eksais, lesen dan lain-lain seperti yang akan dibincangkan di bawah ini.

### **7.5.1.1 Cukai Pendapatan**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, pengutipan hasil melalui cukai pendapatan telah diamalkan oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan sejak tahun 1948 lagi. Bagaimanapun jumlah sebenar sumbangan cukai pendapatan daripada negeri Johor kepada Pentadbiran Kolonial Persekutuan tidak diketahui. Ini disebabkan Pentadbiran Kolonial Persekutuan mengumpulkan cukai pendapatan tersebut berdasarkan wilayah yang terdiri daripada wilayah utara, tengah dan selatan. Dalam hal ini negeri Johor adalah tergolong dalam wilayah selatan.

Hasil kutipan Pentadbiran Kolonial Persekutuan melalui cukai pendapatan telah meningkat sebanyak 55.78 kali ganda daripada \$2,305,671.61 pada tahun 1948 kepada \$128,606,304.56 pada tahun 1957. Dilihat dari segi kepentingan, didapati kepentingan cukai pendapatan telah meningkat daripada 0.98% pada 1948 kepada 16.06% pada 1957.

Jumlah cukai pendapatan satu-satu tahun adalah bergantung kepada pendapatan syarikat dan penduduk. Oleh yang demikian dalam keadaan makmur cukai pendapatan adalah tinggi dan begitu juga sebaliknya. Jumlah hasil dari cukai pendapatan berubah mengikut keadaan pasaran dunia. Semasa Perang Korea, hasil cukai pendapatan telah menunjukkan peningkatan yang drastik. Keadaan ini tidak lama kerana

selepas Perang Korea tamat, jumlah hasil kutipan cukai pendapatan telah menurun. Trend seperti ini hampir sama berlaku pada cukai kastam.

#### 7.5.1.2 Kastam

Cukai Kastam merupakan sumber pendapatan Pentadbiran Kolonial Persekutuan yang terpenting dari tahun 1948-1957. Dari segi kepentingan ianya merupakan 60.64% daripada jumlah pendapatan Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Jumlah hasil kutipan Pentadbiran Kolonial Persekutuan daripada cukai kastam telah meningkat sebanyak 2.72 kali ganda daripada \$174,993,307.58 pada 1948 kepada \$475,128,723.99 pada 1957. Pada 1951, hasil kutipan merekodkan yang terbesar pada tempoh masa tersebut, berjumlah \$516,930,725.84. Ini terjadi kerana berlakunya Perang Korea yang mempengaruhi peningkatan terhadap permintaan barang eksport.

Pada tahun 1948, Negeri-Negeri Tanah Melayu telah menubuhkan *Custom Union*. Ekoran daripada penubuhan sistem tersebut, negeri Johor yang tertakluk kepada *Custom Union*, tidak lagi boleh menentukan kadar cukai dan jenis barang yang dikenakan cukai mengikut amalan sebelum ini. Satu perkara yang perlu dijelaskan di sini ialah mulai daripada tempoh tersebut kastam tidak lagi mengutip cukai untuk negeri Johor tetapi semua hasil kutipan daripada negeri itu diserahkan kepada

Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Dengan yang demikian tidak terdapat lagi data-data seperti dahulu yang menunjukkan hasil kutipan cukai kastam daripada negeri Johor. Ekoran daripada penubuhan *Custom Union* tersebut, bilangan Pejabat Kastam negeri Johor telah dikurangkan daripada 32 buah kepada hanya 12 buah sahaja.<sup>15</sup>

Daripada penjelasan di atas di dapatkan kedua-dua cukai tersebut iaitu cukai pendapatan dan kastam telah memainkan peranan penting dalam struktur pendapatan Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Dalam jangka masa ini, 77.12% daripada jumlah pendapatan Pentadbiran Kolonial Persekutuan diperolehi daripada kedua-dua cukai tersebut. Satu perkara yang jelas dan menarik ialah dalam tempoh masa ini Pentadbiran Kolonial Negeri tidak berhak langsung untuk campurtangan dalam menentukan polisi dan kadar cukai. Jentera pentadbiran negeri hanya berperanan melaksanakan polisi tersebut sepenuhnya.

Selain daripada cukai tersebut, terdapat beberapa jenis cukai yang dilaksanakan sebahagiannya oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan sementara sebahagian lagi oleh Pentadbiran Kolonial Negeri. Ini dapat dilihat dalam kes lesen dan eksais.

#### 7.5.1.3 Lesen dan Eksais

Dari segi kepentingan Lesen telah menyumbangkan sebanyak

3.50% daripada jumlah pendapatan Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Jumlah nilai pendapatan daripada Lesen ini, telah meningkat sebanyak 5.54 kali ganda daripada \$7,113,457.16 pada 1948 kepada \$39,436,158.66 pada 1957. Dalam tempoh masa ini, item-item yang dikenakan cukai lesen termasuklah *Remittance Shop, Road Transport (Driving, Motor Vehicles, Public Service, Vehicles, Drivers), Conductors, Wireless* dan *Miscellaneous*.

Sumbangan yang diberikan oleh Eksais dalam tempoh masa ini lebih kecil daripada Lesen, iaitu sekitar 1.20% daripada jumlah pendapatan Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Jumlah pendapatan Eksais di peringkat Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah meningkat daipada \$4,178,551.24 pada 1948 kepada \$9,110,512.40 pada 1957. Di peringkat persekutuan, sumber Eksais terdiri daripada lima item iaitu *Locally Manufactured Tobacco, Locally Manufactured Liquor, Locally Manufactured Matches, Rubber* dan *Playing Cards*.

#### **7.5.1.4 Lain-Lain**

Selain daripada sumber pendapatan yang dijelaskan di atas, Pentadbiran Kolonial Persekutuan juga memperolehi pendapatan yang digolongkan dalam Kelas I seperti *Forest, Inland revenue, Business registration* dan Lain-lain yang hanya membentuk sumbangan

keseluruhannya sekadar 2.08% daripada jumlah.

Sekiranya dibandingkan dengan sumber pendapatan daripada Kelas I, didapati kelas-kelas yang lain adalah tidak begitu penting. Kelas II yang terdiri daripada perkhidmatan kerajaan (*Fees of Court, Payments for specific services* dan *reimbursement in aid*) hanya menyumbangkan sebanyak 2.56% sahaja. Sementara itu Kelas III yang terdiri daripada *Light, water, power* dan lain-lain hanya menyumbangkan sebanyak 5.13% daripada jumlah pendapatan. Kelas IV yang terdiri daripada *rents on government property* dan *interest* pula hanya menyumbangkan sebanyak 1.82%. Kelas V yang terdiri daripada misselaneous dan *sales of property* dan Kelas VI yang merupakan Colonial Development and Welfare Fund, masing-masing menyumbangkan 6.06% dan 0.53% daripada jumlah pendapatan.

#### **7.5.2 Pendapatan Negeri**

Jumlah hasil pendapatan negeri Johor telah meningkat sebanyak 2.24 kali ganda daripada \$21,674,793 pada 1948 kepada \$48,647,642 pada 1957. Seperti Pentadbiran Kolonial Persekutuan, struktur pendapatan negeri juga disusun semula kepada enam kelas, iaitu, (I) *Duties, Taxes and Licences*, (II) *Receipts for and in aid of Specific government Services*, (III) *Receipts on Account of Undertakings of A*

*Commercial Character, (IV) Revenue from Government Property, (V) Miscellaneous Receipts and land Sales dan (VI) Allocation from Federal Fund.*

Daripada enam kelas di atas telah membentuk sebanyak 13 item sumber pendapatan. Pada tahun 1955, satu lagi item baru telah dimasukkan iaitu royalti bijih besi. Komposisi pendapatan Pentadbiran Kolonial Negeri mengikut kelas terdiri daripada Kelas I (28.01%), Kelas II (10.37%), Kelas III (3.66%), Kelas IV (1.04%), Kelas V (2.63%) dan Kelas VI (54.29%). Daripada perangkaan tersebut jelas bahawa Kelas VI memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negeri Johor. (Sila rujukan Lampiran Jadual 5.5 dan 5.6)

**7.5.2.1.     Kelas VI - Peruntukan kewangan daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan**

Jadual 7.11 memperlihatkan jumlah wang yang diterima oleh negeri Johor dari Pentadbiran Kolonial Persekutuan dari tahun 1948-1957. Daripada Jadual tersebut didapati setiap tahun kecuali tahun 1950 negeri Johor mengharapkan lebih daripada 50% pendapatan negeri daripada sumber tersebut.

**7.5.2.2.     Kelas I - Duties, Taxes and Licenses**

Daripada Kelas I ini, secara keseluruhan pendapatan yang

**Jadual 7.11. Jumlah Nilai Pendapatan Negeri, Jumlah Peruntukan Kewangan Persekutuan dan Peratusan, 1948-1957,  
(Straits Dollar)**

Tahun	Jumlah Pendapatan Negeri Johor	Peruntukan Kewangan Persekutuan kepada Negeri Johor	Peratusan
1948	21,674,793	12,919,182	59.60%
1949	22,999,201	13,266,623	57.68%
1950	21,602,932	9,360,917	43.33%
1951	29,310,201	15,092,241	51.49%
1952	36,958,323	19,693,483	53.29%
1953	40,558,748	22,655,524	55.86%
1954	44,136,010	25,368,151	57.48%
1955	46,568,695	24,504,381	52.62%
1956	53,601,106	29,799,212	55.59%
1957	48,647,642	27,235,513	55.99%
1948-1957	366,057,651	199,895,227	54.61%

Sumber: Disusun daripada **Financial Statement 1948-1957**, State of Johore, Kuala Lumpur, Government Press, Federation of Malaya.

terbesar adalah dari cukai tanah dan galian yang menghasilkan sebanyak 15.63% daripada jumlah pendapatan negeri. Pendapatan daripada cukai tanah dan galian telah meningkat sebanyak 2.03 kali ganda daripada \$3,463,428 pada 1948 kepada \$7,040,746 pada 1957. Pengutipan cukai tanah dan galian ini dilaksana dan dikuasai sepenuhnya oleh Pentadbiran Kolonial Negeri.

Selain daripada cukai tanah dan galian, Pentadbiran Kolonial Negeri juga berhak dalam melaksana dan menguasai cukai hutan. Dalam hal ini cukai hutan hanya menyumbangkan sebanyak 6.79% daripada jumlah pendapatan.

Lesen dan Eksais tidak dikuasai sepenuhnya oleh Pentadbiran Kolonial Negeri. Pentadbiran Kolonial Negeri hanya melaksanakan sebahagian daripadanya. Dalam jangka masa ini, jumlah nilai pendapatan daripada cukai lesen dan eksais menyumbangkan sebanyak 5.53% daripada jumlah pendapatan. Bagi eksais, item yang dikenakan cukai di negeri Johor hanyalah satu sahaja, iaitu eksais terhadap *Toddy Shop*. Jumlah pengutipan hasil daripada eksais telah meningkat daripada \$107,524 pada 1948 kepada \$494,721 pada 1957. Kepentingan cukai tersebut adalah kecil sahaja iaitu sebanyak 0.84%.

Sementara itu bilangan item yang dikenakan lesen adalah

berjumlah sebanyak 27 item yang terdiri daripada (1) *Appraisers*, *Auctioneers*, (2) *Arms*, (3) *Big Game and Birds*, (4) *Billiard Saloons*, (5) *Boats*, (6) *Bonded Warehouses*, (7) *Distillery*, (8) *Explosives*, (9) *Fishing*, (10) *Licences to Sell Poision*, (11) *Licences*, (12) *Land and Mines* [a] *Gravels*, etc. [b] *Mining*, etc. [c] *Miscellaneous* [d] *Prospecting*, (10) *Match factories*, (11) *Miscellaneous*, (12) *Pedlars and Hawkers*, (13) *Petroleum*, (14) *Petition Writers*, (15) *Place of Public Amusements*, (16) *Registration of dogs*, (17) *Rubber Supervision Enactment*, (18) *Second Hand DealersShop*, (19) *Pawn Shops*, (20) *Spirit, etc.* (21) *Theatres*, (22) *Tin Buyers*, etc. (23) *Tobacco, etc.*, (24) *Tobacco (Licensing) Ordinance, 1954*, (25) *Warehouses, Bonded*. (26) *Weights and Measures*, (27) *Water Enactment*.

#### **7.5.2.3. Kelas II - Receipts for and aid of Specific Government Services**

Dalam tempoh masa ini, 10.37% daripada pendapatan negeri adalah daripada Kelas II di atas. Item-item yang tergolong dalam sumber pendapatan ini ialah *Fees under Enactments* dan *Revenue from Town Board*. (*General Assessment, Licences, Fees, Rent, etc.*). Pendapatan daripada sumber ini telah menurun daripada \$2,132,420 pada tahun 1948 kepada \$1,856,177 pada tahun 1957.

**7.5.2.4. Kelas III - Receipts on Account of Undertakings of A Commercial Character**

Kelas III lebih merupakan pendapatan yang diperolehi oleh pihak Pentadbiran Kolonial Negeri melalui perkhidmatan yang diberikannya. Pentadbiran Kolonial Negeri telah memperolehi pendapatan daripada perkhidmatan bekalan air. Hasil yang diperolehi daripada bekalan air telah meningkat daripada \$676,514 pada 1948 kepada \$1,943,314 pada 1957. Bagaimanapun dari segi kepentingan ianya hanya menyumbangkan 3.60% daripada jumlah pendapatan.

**7.5.2.5 Kelas IV: Revenue from Government Property dan Kelas V : Miscellaneous Receipts and Land Sales**

Sekiranya dibandingkan dengan sumber pendapatan daripada Kelas I, II, III, dan VI didapati Kelas IV dan V tidaklah begitu penting. Kelas IV yang terdiri daripada *Revenue from Government Property* hanya menyumbangkan sebanyak 1.04% sahaja daripada jumlah pendapatan. Sementara itu Kelas V yang terdiri daripada *Miscellaneous Receipts and Land Sales* menyumbangkan sebanyak 2.63% daripada jumlah pendapatan.

Selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, struktur pendapatan negeri Johor telah mengalami perubahan yang besar. Sumber cukai utama, seperti kastam tidak lagi merupakan sumber pendapatan negeri. Selain daripada itu, cukai pendapatan yang diperkenalkan pada

tahun 1948 tidak dinikmati oleh kerajaan negeri tetapi dikuasai sepenuhnya oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Selain daripada kedua-dua cukai tersebut, sebahagian daripada cukai eksais, lesen dan utiliti (Elektrik dan Telefon) telah beralih daripada Pentadbiran Kolonial Negeri kepada Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Dalam tempoh masa ini pada hakikatnya, Pentadbiran Kolonial Negeri cuma dapat menguasai cukai-cukai yang kurang penting sahaja. Seperti yang telah diperlihatkan di atas, cukai tanah dan cukai hutan menjadi sumber cukai yang terpenting di peringkat negeri.

## **7.6 Perbelanjaan Persekutuan dan Negeri**

Seperti pendapatan, perbelanjaan juga melibatkan peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri. Ini bermakna Pentadbiran Kolonial Negeri masih meneruskan perbelanjaan, tetapi diawasi oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Pada masa yang sama, Pentadbiran Kolonial Persekutuan membuat perbelanjaan di peringkat negeri melalui projek-projek yang direncanakan di peringkat persekutuan.

### **7.6.1 Struktur Perbelanjaan Persekutuan**

Perbincangan mengenai perbelanjaan kali ini tidak dapat mengikut struktur seperti bab-bab yang lalu. Ini disebabkan Pentadbiran

Kolonial Persekutuan telah menyusun semula cara persempahan data statistik mengikut keperluan Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Dalam jangka masa ini kategori perbelanjaan Persekutuan dibahagikan kepada enam kategori iaitu (1)Ekonomi, (2) Sosial, (3) Keselamatan, (4) Pelbagai, (5) Pembayaran Hutang dan (6) Peruntukan Kewangan kepada negeri.

Jumlah saiz perbelanjaan Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.35 kali ganda daripada \$290,831,255 pada tahun 1948 kepada \$973,716,918 pada tahun 1957. Secara purata sejumlah wang yang banyak iaitu 28.03% daripada jumlah telah dibelanjakan untuk tujuan keselamatan. Keadaan ini berlaku ekoran daripada keadaan darurat di rantau ini, yang memerlukan perhatian keselamatan yang lebih. Perbelanjaan kedua terbesar selepas keselamatan ialah dalam ketegori Pelbagai yang melibatkan sebanyak 25.45% daripada jumlah perbelanjaan. (Sila rujukan Lampiran Jadual 6.2 dan 6.3)

Seperti yang telah dibincangkan di atas, Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah meperuntukkan sejumlah besar belanjawan kepada Pentadbiran Kolonial Negeri. Dalam jangka masa ini, sebanyak 20.47% daripada jumlah perbelanjaan Persekutuan telah diperuntukan untuk tujuan tersebut. Selain daripada itu sebanyak 15.99% daripada jumlah perbelanjaan diperuntukkan bagi program-program ekonomi.

Sekiranya dibandingkan dengan kesemua kategori di atas, didapati Pentadbiran Kolonial Persekutuan tidak memperuntukkan perbelanjaan yang besar atas tujuan sosial. Dalam hal ini peruntukan perbelanjaan sosial hanyalah sebanyak 6.07% sahaja daripada jumlah perbelanjaan Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Selain daripada katogeri di atas, Pentadbiran Kolonial Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak 3.99% daripada jumlah perbelanjaan, bagi tujuan penjelasan hutang pinjaman.

#### **7.6.2 Perlaksanaan Projek-projek Persekutuan di Negeri Johor**

Dalam jangka masa ini, 6.11% daripada jumlah perbelanjaan Persekutuan telah diperuntukan bagi pembinaan pelbagai bentuk infrastruktur di Negeri-Negeri Tanah Melayu. Berdasarkan strategi dan polisi Pentadbiran Kolonial Persekutuan, pelbagai projek telah dilaksanakan dalam sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan lain-lain. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 7.12, didapati Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah melaksanakan pelbagai projek di Negeri Johor seperti Pertanian, Pengairan, Perubatan, Polis, Penjara, Jambatan, Sistem Bekalan Air, Tekolomunikasi dan sebagainya. Bagi melaksanakan projek-projek yang tersenarai dalam Jadual 7.12 tersebut, Pentadbiran Kolonial Persekutuan dari tahun 1948-1957, telah membelanjakan wang sejumlah

**Jadual 7. 12. Projek Persekutuan Yang Dilaksanakan di Negeri Johor, 1948-1957, (Straits Dollar)**

Jabatan	Details	1948-1957
Pertanian	Central Agricultural (Pineapple) Station, Pontian Johore	18,784.18
	Restoration of Central Pineapple Canning research Station Johore	63,173.94
	Establishment of Pineapple Equipment Station, Johore	6,601.00
Pengairan	Seri Menanti Drainage Scheme	73,954.88
	Kahang Irrigation Scheme, Johore	13,745.20
	Padang Endau Irrigation Scheme, Johore	40,146.25
Miscellaneous	Arrears of Pay,Gratuities and Pensions to Johore Military Force.	5,125,189.03
	Malay Regiment, Malayan Volunteer Forces, Civil Defence Services	
	and Their Dependants	
Medikal	Leper Settlement (A.R)	1,325,853.48
	Leper Settlement (S.S)	207,483.42
	Leper Settlement, Johore Bahru	19,619.85
	Mental Hospital, Tampoi (A.R)	2,410,505.20
	Mental Hospital, Tampoi (S.S)	355,757.36
	Rehabilitation on Mental Hospital, Tampoi	203,186.28
	Police Station and Barracks, Kuala Sedili, Revote	17,695.00
	Police Station and Barracks, Pagoh, Muar Revote	39,832.62
	Police Station and Barracks, Tanjong Kupong, Johore Bahru, Revote	22,300.00
	Telephone Exchange, Telegraph Office, Store, Kluang Revote	0.00
	Provision of Homes and Orphanages, Revote	2,689.55
	Civil Aviation, Rehabilitation of Aerodromes, Revote	78,063.75
P.W.D. (S.S)	Meteorological Service, Rebuilding of Stations and Quarters, Revote	15,402.64
	Conversion of Police Barracks, Johore Bahru, To quarters for Customs O.D.O's Revote	1,503.22
	Repairs to Temporary Accommodation at Johore Bahru Police Depot, Revote	566.46
	Buildings of Strategic Road Between Niyor Estate-Paloh, Johore	35,928.79
	Rehabilitation of P.W.D. buildings, 3rd Mile Jalan Scudai, Johore Bahru	54,218.63
	Building of Security Road at Mawai Squatter resettlement area	3,082.42
	Improvements to Ferry Ramps at Muar and Batu pahat (A.S.V.)	290,279.48
	Repairs to Sea Wall, Leper Settlement, Johore Bahru	16,548.14
Polis	District Police Headquarters, Sungai Rengit Johore	301,763.05
	Police Hut at Serom, Muar	4,790.00
	Removal of Johore Police Telephone Exchange from Government Offices to Police Depot	17,781.83
	Quarters, Johore Bahru	20,922.23

Jabatan	Details	1948-1957
Penjara	Alterations to Prison Buildings, Johore Bahru, Revote	2,660.84
	Additions and Alterations to Muar Prison	1,721.27
	Workshop, Johore Bahru, Prison	21,415.84
	Renovation of Johore Bahru Prision	41,877.13
	Married Accommodation for Warders Regional Prison, Johore Bahru, Revote	654.00
Jambatan	Bridges, Route 1, Kluang, Reconstruction	65,344.34
	Reconstruction of Bridges, route I, Segamat, Revote	25,138.30
	Reconditioning of Bridges, Route I, Johore Bahru District	28,493.61
	Building of Security Road at mawai Squatter Resettlement Area, Revote	56,304.04
Kebajikan Sosial	Princess elizabeth School, Johore Bahru	13,738.48
	Social Welfare Home, Johore Bahru	145,351.06
Telekomunikasi	Telephone Exchange, Telegraph Office, Store, Kluang, Revote	188,496.84
	Telephone Exchange, Johore Bahru	10,661.50
	Replacement of Submarine Cables across Penang Straits and at Muar, Batu Pahat	10,262.82
	Provision of New telephone Exchange, Muar	35,000.00
	Underground Cable Extension,Kluang	8,154.98
Pejabat Kastam	Erection of Fence and Wall at Customs Office, Johore Bahru	64,000.00
	Quarters for 14 Customs Officers at Johore Bahru	51,708.27
	Extensions to Customs Station, Johore Bahru	115,187.00
	Quarters for O.D.Os, Johore Bahru	1,909,067.73
	Quarters for O.D.Os. at Tanjong suret and Kukup, Johore	114,350.55
	Additional Examination Bays and Office Accommodation at the Causeway, Johore Bahru	110,868.28
	Cistp,s Statpm - Johore Bahru	33,517.49
JMF	Pensions and Gratuities, Johore Military Forces	783,317.42
Radio	Buiding for Radio Transmitters and Standby Power Supply, Kluang	703.20
Emergency	Extension to Kluang Detention Camp	1,320,787.06
	Removal of Johore Telephone,etc	5,000.00
	Alterations to Sanitary System, Majeedi Camp, Johore Bahru	25,480.00
	New Camp, Kluang (1st Fnsaliment)	1,433,757.84
	Liquidated Damages in respect of orders placed by the State Home guard Office, Johore	11,400.00
Marine	Reconstruction of Senggarang Light Beacon, Johore	
	Major Overhaul and repairs to M.L. "Archenar", Johore	6,000.00
	Major Overhaul and Repairs to M.L. "Pelandok", Johore	3,975.00
Treasury	Purchase of Land for University Site and Government Buildings, Johore Bahru Revote	
Veterinary	Quarters, Central Animal Husbandry Station,Kluang	34,605.95
Fisheries	Quarters, Office and stores, Mersing, Johore	16,111.72

Jabatan	Details	1948-1957
Immigration	Immigration Quarters, Johore	189,283.56
Secretary for Defence	Rehabilitation of Johore Causeway Lock	3,214.29
Civil Aviation	Radio Beacon Building, Kluang	
Labour	Duplicating Machine for Johore Bahru Office	515.00
Jumlah		52,966,419.87

Sumber: Disusun daripada FSFM, 1948-1957.

\$52,966,419.87.

#### **7.6.3 Perlaksanaan Projek Pembinaan Infrastruktur Melalui Pinjaman**

Selain daripada projek-projek yang dilaksanakan dengan menggunakan perbelanjaan Persekutuan, Pentadbiran Kolonial Persekutuan juga telah melaksanakan projek-projek tertentu dengan menggunakan wang daripada pelbagai sumber, antaranya seperti *Federation of Malaya Loan Ordinance 1949, 1951, 1955, Development Loan, 1956* dan sebagainya. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 7.13, sebanyak \$5,390,203.24 telah dibelanjakan dalam jangka masa 1948-1957 bagi melaksanakan projek-projek yang tersenarai dalam Jadual tersebut. Secara umumnya, projek-projek tersebut tertumpu kepada pembinaan sistem pengairan, sistem bekalan air, Elektrik dan pembinaan pejabat seperti Pos dan Buruh. Perlu dijelaskan di sini, projek-projek tersebut dilaksanakan dengan menggunakan wang yang diperolehi melalui pinjaman jangka panjang. Dalam hal ini, pinjaman dan pembayaran balik dibuat oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Pentadbiran Kolonial Negeri tidak dibenarkan membuat pinjaman sedemikian rupa.

#### **7.6.4 Struktur Perbelanjaan Negeri**

Selepas pengwartaan *Federal Agreement, 1948*, perbelanjaan

**Jadual 7. 13. Projek Tabung yang dilaksanakan di Negeri Johor,  
1948-1957, (*Straits Dollar*)**

Bidang	Nama Projek	Jumlah Peruntukan Perbelanjaan, 1948-1957	
Pengairan			
A	Sungei Ring Irrigation Scheme,	1951-57	33,999.55
A	Sungei Balang Irrigation Scheme	1951-57	112,930.27
A	Tenang Scheme	1951-57	12,999.76
A	Sawak Serakek Scheme	1951-57	351.18
A	Parit Semarang Scheme	1951-57	20,000.00
A	West Coast Drainage Scheme	1951-57	483,000.00
B	West Coast Drainage Scheme (Continuation)	1953-57	717,000.00
D	Rengit Drainage Scheme	1956-57	115,761.80
D	Kahang Scheme	1956-57	179,144.18
D	Tampoh Drainage Scheme	1956-57	1,099,116.95
Bekalan Air			
B	Completion of Labis Water Supply	1951-57	49,968.40
B	Segamat Water Extension, Johore	1953-57	700,000.00
B	Muar Water Supply Improvement, Johore	1953-57	150,000.00
A	Extension of Kluang Water Supply	1955-57	99,990.43
A	Kluang Water Supply	1955-58	97,542.00
C	Segamat	1956-57	417,296.81
C	Pontian	1956-57	252,256.49
C	Muar	1956-57	718,876.51
C	Johore Bahru	1956-57	79,949.08
Elektrik			
B	New Sub-Station in Kluang	1952-57	40,000.00
Pos			
D	Post Office and Quarters, Tampoi, Johore	1957	676.35
Buruh			
D	Extention to Labour Office, Muar	1957	9,343.50
			5,390,203.24

Nota:

- A Federation of Malaya Loan Ordinance, 1949
- B Federation of Malaya Loan Ordinance, 1951
- C Federation of Malaya Loan Ordinance, 1955
- D Development Loan, 1956

Sumber: Disusundaripada FSFM 1948 - 1957.

negeri tertakluk kepada beberapa peraturan. Pertama, sebelum melaksanakan perbelanjaan di peringkat negeri, Pentadbiran Kolonial Negeri diarahkan supaya menyediakan satu laporan yang memperlihatkan anggaran belanjawan tahunan, disertai dengan keperluan belanjawan tersebut secara spesifik mengikut item. Laporan ini dihantarkan kepada Pentadbiran Kolonial Persekutuan di Kuala Lumpur untuk pertimbangan dan kelulusan.

Secara umum peruntukan perbelanjaan negeri dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu, ekonomi, sosial dan pelbagai. Sekiranya dibandingkan dengan Pentadbiran Kolonial Persekutuan seperti yang telah dihuraikan sebelum ini, Pentadbiran Kolonial negeri tidak langsung terlibat dalam mengawal keselamatan seperti polis dan tentera. Ini disebabkan urusan keselamatan adalah urusan kerajaan pusat yang mana tanggong jawab tersebut dipikul oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Dari segi sistem pentadbiran kolonial di peringkat negeri, Johor telah mengalami beberapa perubahan. Pertama, Pentadbiran Kolonial Negeri bagi melicinkan pentadbirannya telah menubuhkan beberapa jabatan baru seperti *Department of Drainage and Irrigation* pada 1948 dan *Department of Social Welfare* pada tahun 1951. Kedua, beberapa jabatan

yang sebelum ini terletak di bawah pengawasan Pentadbiran Kolonial Negeri sekarang telah dipindahkan ke bawah Pentadbiran Kolonial Persekutuan seperti *Department of Customs and Excises, Police Department, Labour Department, Post Department, Department of Electricity, Telecommunications*. Ketiga, semua kakitangan keselamatan yang sebelum ini bertugas di bawah Pentadbiran Kolonial Negeri dipindahkan kepada Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Perkembangan dan pertambahan jabatan-jabatan baru telah meningkatkan perbelanjaan negeri. Ini jelas dapat dilihat di mana pada tahun 1948, jumlah perbelanjaan negeri sebanyak \$21,674,793 dan telah bertambah sebanyak 2.06 kali ganda kepada \$44,752,439 pada tahun 1957.

Dilihat dari segi komposisi, didapati Pentadbiran Kolonial Negeri Johor telah memberi tumpuan utama kepada kategori sosial. Ini terbukti di mana sebanyak 42.03% daripada jumlah perbelanjaan telah diperuntukkan kepada perkhidmatan sosial seperti pendidikan, perubatan, agama dan kebajikan sosial. Peruntukan kepada *Education Department* dan *Department of Medical and Health* pada tahun 1948-1957 telah merekodkan jumlah perbelanjaan yang besar iaitu 20.46% dan 16.99%. Sementara itu peruntukan kepada sektor ekonomi dan pelbagai adalah hampir sama, iaitu 28.42% dan 29.55%. (Sila rujuk Lampiran Jadual 6.4.

dan 6.5.)

Daripada perangkaan yang dipaparkan di atas, adalah jelas perbezaan perhatian perbelanjaan di antara Pentadbiran Kolonial Persekutuan dengan Pentadbiran Kolonial Negeri. Seperti yang telah dinyatakan, Pentadbiran Kolonial Persekutuan memberi tumpuan kepada keselamatan sementara Pentadbiran Kolonial Negeri memberi tumpuan kepada perkhidmatan sosial.

## **7.7 Pengurusan Kewangan Persekutuan dan Negeri**

### **7.7.1 Pengurusan Lebihan Kewangan**

Selepas Perang Dunia Kedua dan penubuhan *Malayan Union*, jumlah kewangan yang dikumpul di peringkat Negeri-Negeri Tanah Melayu menjadi aset kewangan *Malayan Union* sepenuhnya. Semua lebihan kewangan negeri Johor diserah dan dikumpul sebagai harta *Malayan Union*. Negeri Johor tidak lagi berhak dalam pengawalan dan pengurusan lebihan kewangan tersebut. Sebagai contoh pada tahun 1947 sejumlah lebihan kewangan negeri, terus diperuntukan sebagai simpanan wang tunai, deposit tetap dan portfolio pelaburan kewangan Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Selain daripada mempunyai kuasa penuh terhadap

pengurusan lebihan kewangan, Pentadbiran Kolonial Persekutuan juga mempunyai hak dan kuasa untuk membuat pinjaman kewangan daripada institusi-institusi luar seperti *World Bank* dan *International Bank for Reconstruction and Development*.<sup>16</sup>

Oleh kerana Pentadbiran Kolonial Negeri tidak diberi sebarang peluang dalam menguruskan lebihan kewangan dan tidak juga diberi peluang untuk membuat pinjaman, maka telah menimbulkan konflik di antara Pentadbiran Kolonial Negeri dengan Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Akibat daripada konflik ini telah mendorong beberapa perubahan dasar kewangan dilakukan kemudiannya.

#### **7.7.2        Masalah Hubungan Kewangan di antara Pentadbiran Kolonial Persekutuan dan Pentadbiran Kolonial Negeri**

Ekoran daripada pembentukan *Federal Agreement*, 1948, struktur kewangan negeri Johor telah mengalami perubahan yang besar. Perubahan baru ini amat berbeza dengan amalan struktur kewangan sebelum ini yang telah dilaksanakan sekian lama. Satu perkara yang paling jelas Pentadbiran Kolonial Negeri tidak lagi mempunyai kuasa autonomi terhadap amalan kewangan negeri masing-masing.

Menurut Carl Adolph Murray, *Adviser on Public Finance* yang dilantik oleh *International Bank for Reconstruction and Development*

yang tugas utama beliau meneliti struktur kewangan di Persekutuan Tanah Melayu telah memberi komen seperti berikut:

"The executive authority vested in the States in many of the most important fields of government, the policy-making powers which they have in practice enjoyed, and the system of lump sum grants have combined to give the States and Settlements considerable power to determine levels of expenditure in these fields. Particularly in the social services, without being fully responsible for finding means to defray the expenditure. The division of authority in the Federal Agreement is such that, notwithstanding the powers of control given to it, the Federal Government can be put in the position of having to pay the piper for tunes called by the States and Settlements.

Secondly, the distribution of expenditures over a wide field is largely determined by the States and Settlements, though the national interest may require, for example, that more be spent on economic services and less on social services.

Thirdly, the system gives little or no financial independence to the State and Settlement Governments, limited incentive for the development of the sources of revenue under their control, and small encouragement to a proper attitude towards economy, for once the amount of the Federal grant has been determined, the benefits of any saving would accrue to the Federal Government.

Fourthly, the determination of the amount of the federal grant is a perennial source of contention. And lastly, planning is made more difficult by uncertainty about the size of the Federal grant from year to year".<sup>17</sup>

### **7.7.3 Pengubahsuaian Semula Konsep Peruntukan Kewangan dan Kewujudan Lebihan Kewangan Dalam Akaun Negeri**

Pada tahun 1956, kaedah peruntukan kewangan daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan kepada Pentadbiran Kolonial Negeri telah diubahsuai. Pentadbiran Kolonial Persekutuan pada kali ini telah

memperuntukan sejumlah wang mengikut tujuan perbelanjaan yang merangkumi (1) pendidikan, (2) Perubatan dan Kesihatan (3) Kos Perlaksanaan Projek Khas (*Extra-Ordinary*) Sistem Pengairan. Selain daripada peruntukan spesifik tersebut, Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah memberi peruntukan tambahan iaitu (1) \$12 grants per-capita, (2) 30% daripada jumlah cukai import yang dikumpul di peringkat negeri dan (3)Lain-lain.

Lanjutan daripada pengubahsuaian kaedah peruntukan kewangan Persekutuan tersebut, negeri Johor telah berjaya mengumpulkan lebihan kewangan dalam akaun negeri sebanyak \$6,861,787.58 pada 1956 dan sebanyak \$3,895,202.82 pada tahun 1957. Lebihan kewangan ini disimpan dalam bentuk simpanan wang tunai. Pentadbiran Kolonial Negeri walaupun berjaya menghasilkan lebihan, namun demikian mereka tidak mempunyai kuasa untuk membuat pelaboran kewangan samada dalam atau luar negeri.<sup>18</sup>

## 7.8        **Kesimpulan**

Selepas Perang Dunia Kedua, aktiviti perdagangan telah pulih semula. Pada dasarnya, secara keseluruhan struktur perdagangan mengekalkan struktur yang hampir sama dengan keadaan sebelum perang.

Bagi sektor eksport, getah merupakan komoditi eksport yang terpenting sepanjang jangka masa ini. Selain daripada getah, komoditi-komoditi lain seperti bijih timah, kelapa sawit, nenas, kelapa juga memperlihatkan peningkatan yang berterusan. Bagi sektor import pula, bahan makanan dan minuman adalah penting. Selain daripada bahan makanan, bahan-bahan perkilangan juga menunjukkan peningkatan yang berterusan.

Perkembangan aktiviti perdagangan dan peningkatan permintaan terhadap komoditi-komoditi eksport memberi impak yang besar kepada aktiviti ekonomi di negeri Johor. Pemodal-pemodal sekali lagi memberikan tumpuan kepada tanaman komoditi-komoditi eksport seperti getah, kelapa sawit, nenas dan kelapa. Dalam kesemua komoditi-komoditi eksport utama tersebut kecuali bijih timah, negeri Johor merupakan negeri pengeluar utama komoditi-komoditi itu. Seperti amalan sebelum ini, golongan pemodal tidak memberikan perhatian kepada tanaman makanan. Dalam keadaan perkembangan ekonomi yang pesat, keperluan bahan makanan mudah diperolehi melalui import.

Selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan termaktubnya *Federation of Malaya Agreement, 1948*, sistem pentadbiran kolonial di peringkat negeri telah mengalami perubahan yang besar. Di bawah sistem pentadbiran kewangan yang baru ini, seperti yang dilakukan

oleh Pentadbiran *Gunseikanbu*, Pentadbiran Kolonial Negeri tidak lagi dapat mengurus dan menguasai kewangan negeri sepenuhnya. Tugas pentadbiran kewangan di peringkat negeri telah dikongsi bersama oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Dalam sektor pengurusan pendapatan negeri terdapat dua transformasi yang besar. Pertama, sumber pendapatan yang paling penting iaitu kastam tidak lagi merupakan sumber pendapatan negeri. Selain daripada kastam, cukai pendapatan yang telah diperkenalkan pada tahun 1948 juga dikumpul di peringkat Persekutuan. Kedua, Lebih daripada 50% daripada jumlah pendapatan negeri perlu bergantung kepada peruntukan kewangan daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Seperti sistem pengutipan hasil, kaedah peruntukan perbelanjaan juga turut mengalami perubahan. Pertama, negeri Johor tidak lagi dapat menguruskan jabatan-jabatan tertentu yang berhubung dengan ekonomi dan keselamatan seperti Pos dan Telekomunikasi, Jabatan Elektrik, Jabatan Polis dan Angkatan Tentera. Negeri Johor hanya diberi peluang untuk menjaga jabatan-jabatan yang terlibat dalam pengurusan tanah, bekalan air, pengairan, pendidikan, perubatan dan lain-lain. Kedua, Pentadbiran Kolonial Negeri Johor tidak lagi dapat melaksanakan sebarang peruntukan perbelanjaan tanpa penyemakan dan kelulusan daripada

Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Ketiga, pembinaan infrastruktur-infrastruktur dalam negeri telah dilaksanakan dengan tiga kaedah, iaitu projek-projek di bawah Pentadbiran Kolonial Negeri, projek-projek di bawah Pentadbiran Kolonial Persekutuan di negeri Johor dan akhirnya projek-projek *loan* oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan.

Sebelum Perang Dunia Kedua, pengurusan kewangan negeri Johor adalah ke arah menghasilkan lebihan kewangan yang seterusnya akan disalorkan ke luar negeri melalui portfolio pelaburan kewangan. Bagaimanapun semasa Pentadbiran Jepun, amalan ini telah dihentikan kerana tidak terdapatnya lebihan kewangan yang membolehkan pelaburan dilakukan. Pada masa Pentadbiran Persekutuan, negeri Johor juga tidak dapat melakukan pelaburan kewangan kerana lebihan kewangan adalah ditentu dan kuasai pentadbirannya oleh Pentadbiran Kolonial Persekutuan. Pentadbiran Kolonial Persekutuan bukan sahaja berhak dalam mengumpulkan lebihan kewangan tetapi ianya juga berhak dalam membuat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan luar.

Beberapa perubahan yang berlaku dalam pengurusan kewangan di peringkat negeri, jelas telah menjaskan autonomi kewangan negeri Johor. Keadaan yang tidak menyenangkan ini, telah menimbulkan konflik yang serius di antara Pentadbiran Kolonial Persekutuan dan

Pentadbiran Kolonial Negeri.

Bagi mengelakkan daripada konflik tersebut berterusan, maka pada tahun 1956, kaedah peruntukan kewangan daripada Pentadbiran Kolonial Persekutuan kepada Pentadbiran Kolonial Negeri telah disusun semula. Kaedah peruntukan kewangan negeri telah ditentukan melalui peruntukan perbelanjaan mengikut tajuk tertentu iaitu pendidikan, perubatan dan kos pembinaan sistem pangairan. Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial Persekutuan telah memperuntukkan, (1) \$12 *per-grant* kepada setiap orang dewasa dan (2) 30% daripada jumlah cukai import petrol yang dikumpul di peringkat negeri.

Ekoran daripada transformasi tersebut, negeri Johor sekali lagi berjaya memperolehi lebihan kewangan. Bagaimanapun lebihan kewangan tersebut tidak boleh dilaburkan melalui portfolio pelaburan kewangan seperti yang di amalkan sebelum Perang Dunia Kedua. Lebihan kewangan yang ada terpaksa digunakan untuk memenuhi “*efficiency*” pengurusan kewangan dalam negeri sahaja. Dengan berlakunya demikian amalan pelaburan lebihan kewangan ke luar negeri hanya berlaku sebelum Perang Dunia Kedua. Amalan tersebut tidak diteruskan semasa Pentadbiran *Gunseikanbu* dan tidak juga semasa Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Persoalan yang timbul di sini apakah yang terjadi kepada

lebihan kewangan yang terkumpul begitu banyak semasa Pentadbiran Kolonial British di negeri Johor sejak tahun 1895 hingga tahun 1941.

## **NOTAKAKI**

1. Sila Lihat Albert Lau, **The Malayan Union Controversy, 1942-1948**, Singapore, Oxford University Press, 1991, dan Mohamed Noordin Sopiee, **From Malayan Union to Singapore Separation**, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1974.
2. **A Scheme for Revenue Allocation in The Federation of Malaya**, Kuala Lumpur, Government Printer, Federation of Malaya, 1955, hal:8.
3. Sila Lihat Fiancial Statement, **Federation of Malaya, 1948 - 1957**, Kuala Lumpur, Federation of Malaya.
4. **A Scheme for Revenue Allocation in The Federation of Malaya**, Kuala Lumpur, Government Printer, Federation of Malaya, 1955, hal:2.
5. **Ibid.**
6. Sila Lihat **Financial Statement, Federation of Malaya, 1948-1957**, Kuala Lumpur, Government Printer, Federation of Malaya dan **Financial Statement, State of Johore, 1948 - 1957**, Kuala Lumpur, Government Printer, Federation of Malaya.
7. Sila Lihat C.T. Edward, **Public Finance in Malaya and Singapore**, Canberra, Australian National University Press, 1970, B.Simandjuntak, **Malayan Federalism, 1945 - 1963, A Study of Federal Problems in A Plural Society**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1969 dan W.Halzhausen, **Federal Finance in Malaysia**, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1974.
8. Gayl D. Ness, **Bureaucracy and Rural Development in Malaysia, A Study of Complex Organizations in Stimulating Economic Development in New States**, Berkeley and Los Angeles, University of California Press, 1967, hal: 90- 100.
9. **FSJ 1956 dan 1957 (Annual Abstract of Receipts and Payments)**
10. **FSJ 1955**, hal: 6.
11. C.T.Edward, **Op.Cit.**, hal:125-132.

12. A Scheme for Revenue Allocation in The Federation of Malaya, Kuala Lumpur, Government Printer, Federation of Malaya, 1955, hal:5-7 dan Huan Tzu Hong, "The New System of Revenue Allocation to States And Settlements in The Federation of Malaya", **The Journal of Malayan Economic Review**, Vol.5, No.1, 1957, hal:79 - 83.
13. **Ibid.**
14. Sila lihat **FSFM 1948 - 1957** dan **FSJ 1948 - 1957**.
15. **ARJ 1949**, hal:7 - 9.
16. Sila lihat Yunus Lubega Butanaziba,"Technical Assistance and Malaysian Development Planning 1945 - 1970", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, (Peringkat Persiapan), 1997.
17. **The Economic Development of Malaya, Report of a Mission organized by the International Bank for Reconstruction and Development at the request of The Government of the Federation of Malaya, the Crown Colony of Singapore and the United Kingdom**, Baltimore, The Johns Hopkins Press, 1955, hal:224.
18. Sila lihat **FSJ 1956** dan **1957**.